

## Pendekatan Islam Dalam Kritikan Sastera : Satu Tinjauan Literatur

### *Islamic Approach of Literary Criticism: A Literature Review*

Mohd Adi Amzar Bin Muhammad Nawawi<sup>1</sup>

Zulkarnain bin Mohamed<sup>2</sup>

Pabiyah binti Haji Maming@Toklubok<sup>3</sup>

#### ***ABSTRAK***

*Pengaplikasian kritikan sastera dengan bersumberkan ideologi sekular Barat sudah menjadi sinonim dan kebiasaan dengan persekitaran kesusasteraan moden kini. Ia juga menjadi tarikan kepada para pengkritik kesusasteraan temasuk yang beragama Islam untuk menerapkannya dalam kerja-kerja kritikan dengan mengabaikan idea dan kritikan yang bersumberkan Islam. Sungguhpun demikian, Islam tidak ketandusan kaedah dan prinsip kritikan yang tersendiri bahkan jauh lebih baik berbanding idea kritikan yang bersumberkan Barat. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau literatur-literatur yang berkaitan dengan pendekatan Islam dalam kritikan sastera. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Seterusnya, penganalisisan data dilakukan menerusi analisis deskriptif dengan mencerakinkan tiga isu utama sebagai topik utama perbincangan. Hasil kajian mendapati bahawa Islam tidak ketinggalan dalam mereka bentuk idea dan kritikan yang menarik dan unik tetapi realitinya masih dibelenggu dengan beberapa isu dan permasalahan yang menjadi penghalang dalam pemerkasaan idea kritikan tersebut.*

*Kata Kunci:* Kritikan Sastera, Kritikan Islam, Kesusasteraan Islami

<sup>1</sup> Mohd Adi Amzar bin Muhammad Nawawi, MA (UKM), Calon Doktor Falsafah (PhD) Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, [gamwer\\_994@yahoo.com.my](mailto:gamwer_994@yahoo.com.my)

<sup>2</sup> Zulkarnain bin Mohamed, PhD (UPSI), Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, [nain@ukm.edu.my](mailto:nain@ukm.edu.my)

<sup>3</sup> Pabiyah binti Haji Maming@Toklubok, PhD (UIAM), Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, [pabiayah@upm.edu.my](mailto:pabiayah@upm.edu.my)

## ***ABSTRACT***

*The application of literary criticism based on Western secular ideology is currently synonymous with the modern literary environment. It has also caught the attention of literary critics, including Muslim scholars to apply them in the work of criticism by ignoring the ideas and criticism based on Islamic science. Nevertheless, Islam does not run out of ideas in terms of methods and principles of its own criticism, even it is much better compared to related ideas derived from the West. Hence, this study aims to review the related literatures to the Islamic approach which is used to criticize literature. This study used a qualitative approach through the design of content analysis as a major source of data collection. Further, the process of analyzing the data is done through a descriptive analysis by dividing the three key issues as the main topic of discussion. The study found that Islam is not left behind in the form of ideas and criticism which is interesting and unique, but in reality it is still plagued by a number of issues and problems that hinder the empowerment of the literary criticism ideas.*

*Keywords:* Literaty Criticism, Islamic Criticsm, Islamic Literary

### **Pengenalan**

Makalah ini secara khususnya berkisar mengenai tinjauan literatur yang memfokuskan kepada pendekatan Islam dalam mengkritik karya. Makalah ini dibahagikan kepada beberapa pecahan penting antaranya metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan yang merangkumi tiga sub topik penting iaitu isu dan permasalahan kritikan sastera Islami, idea Islam dalam mengkritik sastera dan yang terakhir refleksi pemanfaatan dalam karya sastera. Seterusnya makalah ini diakhiri dengan kesimpulan dan penutup. Bahagian seterusnya akan melihat metodologi kajian yang mempunyai peranan yang penting dalam merangka keseluruhan kajian ini agar bersifat sistematik dan saintifik.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini secara asasnya mempraktikkan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen melalui pengumpulan bahan bercetak yang terdiri daripada buku, artikel-artikel jurnal, tesis Sarjana dan Doktor Falsafah yang berkaitan dengan kritikan sastera Islami. Seterusnya, tatacara penganalisan data dilakukan menerusi kaedah analisis deskriptif melalui pencerakinan kepada beberapa bahagian penting iaitu isu dan permasalahan kritikan sastera Islami, idea Islam dalam mengkritik sastera dan yang terakhir refleksi pemanfaatan dalam karya sastera.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

### 1) Isu dan Permasalahan Kritikan Sastera Islami

Sebelum membicarakan dengan lebih terperinci mengenai idea atau prinsip kritikan sastera Islami, persoalan asas yang perlu untuk diperhalusi semula oleh semua golongan yang terlibat dalam lapangan kesusasteraan Islami adalah bagaimana untuk mewujudkan sebuah karya sastera yang layak diangkat sebagai sastera Islami dan memenuhi ciri-ciri sebagai sebuah karya yang sarat dengan ilmu dan mendidik jiwa. Ini kerana sastera Islami dan kritikan berhubung kait antara satu sama lain dan mempunyai jalinan yang padu. Kesamaran dan kekaburuan terhadap falsafah kritikan sastera Islami akan mengakibatkan berlakunya kekeliruan khususnya melibatkan proses penghasilan karya sastera Islami. Secara tidak langsung juga akan berlaku keadaan yang mengundang pentafsiran salah dan mempersoalkan kesucian Islam secara tidak sedar. Hakikat yang perlu disedari, persoalan ini bukanlah mudah untuk ditanggapi kerana pandangan pengkarya terhadap sastera Islami melibatkan pelbagai pentafsiran dan pandangan yang berbeza. Keadaan ini secara realitinya telah merencatkan proses pemurnian falsafah kritikan sastera tersebut ke arah yang lebih bersepadan. Walaupun demikian, kritikan dan cadangan pembaharuan oleh golongan sarjana dalam bidang kesusasteraan Islami mempunyai kewajaran yang perlu untuk diberikan ruang agar falsafah dan konsep kritikan itu sentiasa bersifat terbuka dan segar malahan tidak terkeluar daripada landasan yang digariskan oleh Islam. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh mengenai isu dan permasalahan kritikan sastera Islami antaranya ´Imad al-Din Khalil (1998;2009), Bin ´Isa Batahir (1998), Mafaz Mujahid (2004), al-Rahawi (2009) dan Bushra ´Abd al-Majid (2009).

Kajian ´Imad al-Din Khalil (1998) yang membahaskan mengenai satu penilaian semula mengenai gerakan sastera Islami kontemporari adalah sesuatu yang wajar diberikan perhatian oleh golongan sasaran yang berkaitan. Beliau telah memperincikan beberapa isu yang menjadi permasalahan kepada kebangkitan semula gerakan ini sehingga ditenggelamkan oleh aliran dan fahaman barat yang menyeleweng. Beliau memberi penekanan bahawa perlunya perubahan secara besar-besaran terhadap bentuk dan kandungan dalam karya sastera Islami itu yang selama ini dilihat kabur dan tidak jelas. Di samping itu, beliau mempersoalkan bahawa metodologi sastera Islami semakin kehilangan identiti sehingga dianggap sebagai penanda aras sahaja dan bukannya satu aliran mazhab dalam kesusasteraan. Beliau membandingkan dengan kewujudan aliran-aliran selain daripada Islam seperti sosialisme, romantisme, realisme dan lain-lain yang mendominasi pemikiran pengkarya muslim dalam lapangan kesusasteraan. Buat akhirnya, beberapa penyelesaian dicadangkan bagi mengukuhkan kembali gerakan sastera Islami, antaranya merangka garis panduan berlandaskan syariah kepada pengkarya muslim untuk menghasilkan karya sastera Islami yang berakarkan kefahaman Islam yang sebenar. Selain itu, pertubuhan dan pusat-pusat pengajian perlu diaktifkan secara

optimum untuk memberi kefahaman yang holistik kepada pengkarya bagi menghasilkan karya yang berkualiti dan bernada positif.

Bin 'Isa Batahir (1998) juga telah memperkemaskan takrifan falsafah kritikan sastera Islami ke arah yang lebih mudah difahami. Kajian beliau juga telah menghuraikan takrifan sastera Islami, fungsi dan perkaitannya dengan hiburan dengan lebih terperinci. Beliau juga menjelaskan pandangan Syeikh Abu Hasan Al-Nadwi mengenai kritikan sastera yang mencakupi pengakaran Islam terhadap kritikan, fungsi kritikan Islam dan sifat sebagai pengkritik Muslim. Artikel setebal 30 halaman ini memperlihatkan takrifan konsep sastera Islami yang lebih bersifat dinamik dengan memasukkan dua elemen iaitu ikhlas dan benar sebagai nadi utama yang memperhebatkan lagi keindahan sastera Islami itu di samping menyerlahkan keperluan untuk mengakarkan kritikan yang berlandaskan Islam. Ini kerana teori kritikan adalah bersumberkan dari Barat dan menjadi keperluan untuk mengembalikan akar tradisi kritikan Islam bagi menghidupkan kembali roh kesusasteraan Islam yang telah diselewengkan sejak sekian lama.

Isu dan permasalahan kritikan sastera Islami juga telah dibangkitkan oleh Mafaz Mujahid (2004). Beliau telah mengutarakan permasalahan dalam kajianya berhubung perlunya kritikan sastera Islami mempunyai satu pendirian teguh dan asas yang kukuh bagi menghadapi ancaman daripada fahaman dan teori dari Barat seperti kapitalisme, sosialisme, realisme dan lain-lain. Keperluan untuk menyediakan asas-asas kukuh yang mendasari falsafah kritikan sastera Islami dilihat sesuatu yang tidak boleh dilengahkan dan mesti dilakukan tanpa kompromi. Ini bagi mengelakkan berlakunya kemerosotan pengaruh Islam dalam lapangan kesusasteraan moden dan menyebabkan kritikan sastera Islami terus terpinggir daripada arus perdana. Lebih ditakuti, pendominasian fahaman dan teori kritikan dari Barat akan menyebabkan berlakunya lebih banyak penyelewengan dan kerosakan terhadap karya-karya sastera di samping mempengaruhi jati diri khayalak ke arah keruntuhan. Justeru, pemurnian falsafah kritikan sastera Islami mesti dilaksanakan dan mengambil beberapa pendekatan antaranya perlu mencontohi atau mengambil strategi kritikan sastera daripada aliran atau pandangan lain yang selari dengan Islam supaya memperolehi kefahaman dalam gerak kerja kritikan. Selain itu, kritikan sastera Islami tidak boleh didasari berdasarkan cita rasa dan pandangan individu semata-mata bahkan perlu wujud satu metodologi yang sistematik dan diyakini mampu untuk mencapai konsistensi dan kompetensi yang berterusan.

Kajian 'Imad al-Din Khalil (2009) juga telah membangkitkan isu yang sama mengenai kedudukan sastera Islami pada era kontemporari ini. Beliau telah mempersoalkan kredibiliti sastera Islami yang seolah-olah telah hilang metodologinya yang tersendiri dan hanya dianggap sebagai satu garis panduan serta bukan berdiri atas satu aliran atau mazhab yang khas. Selain itu, wujud pertembungan antara golongan sasterawan dan agamawan yang telah menambahkan lagi kecelaruan terhadap identiti sastera Islami itu. Ini kerana sesetengah golongan sasterawan lebih cenderung menghalalkan sesuatu perkara dengan tergesa-gesa tanpa merujuk terlebih dahulu kepada golongan agamawan yang lebih mengetahui tentang selok-belok hukum khususnya yang

melibatkan bidang kesenian dan sastera. Ini berlaku disebabkan kejahilan sesetengah golongan sasterawan yang memandang enteng mengenai hukum hakam sehingga tindak-tanduk mereka dilihat sebagai membelakangkan dan menghina agama. Gesaan penulis pada akhir makalah beliau dengan jelas menegaskan bahawa perlunya usaha berganda demi memastikan sastera Islami kembali kepada pengakaran Islam yang sebenar di samping membentuk satu metodologi khas dalam kritikan sastera sebagaimana yang dilakukan oleh aliran atau mazhab kesusasteraan selain Islam.

Selain itu, kajian al-Rahawi (2009) juga telah memberi satu penjelasan yang kukuh mengenai falsafah pemaknaan sastera Islami dan peranannya. Kajian beliau yang berkisar mengenai sastera Islami antara makna deskriptif dan peranan telah membahaskan peranan yang perlu dimainkan oleh pengkarya dalam menghasilkan teks-teks yang berunsurkan agama bagi memenuhi piawaian sebagai karya sastera Islami. Beliau menegaskan perlunya seseorang pengkarya itu memahami Islam secara keseluruhannya dan mengaplikasikan ke dalam karya dalam bentuk yang tidak menghina roh agama. Islam tidak menghalang seseorang itu untuk berkarya secara kreatif tetapi mestilah dalam lingkungan yang dibenarkan agama. Ini kerana kebebasan untuk berkarya bukanlah hak mutlak bagi seseorang manusia di muka bumi kerana segala perlakuan nanti akan dipertanggungjawabkan kelak di hadapan Allah. Beliau juga menegaskan peranan sastera Islami bukan sahaja untuk menjadi alternatif kepada aliran sastera yang lain bahkan jauh daripada itu untuk bertindak sebagai agen yang membawa risalah dakwah Islam kepada manusia keseluruhannya.

Yang terakhir, Bushra 'Abd al-Majid (2009) dalam kajiannya juga ada mendedahkan mengenai permasalahan yang membelenggu kritikan sastera Islami sehingga gagal menampilkan kehebatan sebenar berbanding aliran dan fahaman kritikan yang lain. Antara permasalahan yang diutarakan beliau ialah kelemahan metodologi yang sama sekali telah membantutkan proses kelancaran dan pengamalan kritikan secara berterusan dan berkesan. Selain itu juga, kritikan sastera Islami tidak mengambil cakna dan manfaat daripada perubahan-perubahan yang berlaku melibatkan pembinaan metodologi kritikan di peringkat antarabangsa yang mungkin melibatkan aliran dan fahaman kesusasteraan yang lain. Kejumudan dan kurang proses interaksi sesama aliran menyebabkan kesukaran bagi pembinaan kritikan sastera Islami yang lebih bersifat matang dan kukuh.

Permasalahan dan isu yang membelenggu kritikan sastera Islami sama sekali tidak boleh dijadikan alasan untuk berdiam diri apatah lagi untuk mundur ke belakang dan memberi ruang kepada aliran dan fahaman Barat untuk terus mendominasi arus pemikiran kesusasteraan global. Usaha yang bersepada perlu dilakukan melibatkan para cendekiawan tokoh pemikir Islam untuk memulih dan memartabatkan kembali kritikan sastera Islami agar mampu berdiri sama tinggi malahan menjadi aliran utama kritikan kesusasteraan global. Justeru, pada bahagian seterusnya akan disoroti berkenaan idea Islam dalam kritikan sastera bagi memperlihatkan keupayaan pemikir kesusasteraan Islami menghasilkan pendekatan dan idea untuk mengukuhkan lagi konsep kritikan yang sebenar.

## 2) Idea Islam Dalam Mengkritik Sastera

Selepas meneliti perbahasan awal mengenai isu dan permasalahan kritikan sastera Islami, persoalan idea Islam dalam mengkritik sastera akan diketengahkan dengan memberi penekanan terhadap istilah-istilah penting seperti iltizam, *ta'amul*, taklif dan juga idea kritikan sastera Islami yang lain. Antara kajian-kajian yang berkaitan adalah al-Raziq (2009), Mujahid Mustafa Bahjat (2009), Abd al-Nasir Sabir (2012), al-Raziq (2002), Mohd Affandi Hassan (2005), Mohd Shahrizal & Mohd Firdaus (2013), Sahlan Mohd Saman (2008) dan al-Na'im & Majdi Ibrahim (2013).

Berkenaan dengan idea iltizam, ia merupakan antara istilah yang telah lama wujud dalam kesusasteraan pada zaman peradaban tamadun lampau seperti Mesir Kuno, Yunani, Rom dan Arab Jahiliyah. Namun begitu, persoalan iltizam mendapat perhatian secara mendalam selepas kelahiran pelbagai aliran kesusasteraan moden seperti dalam aliran realisme sosialisme dan aliran eksistensialisme. Dalam aliran sastera Islami juga tidak ketinggalan dalam membincangkan mengenai persoalan iltizam secara lebih mendalam dan berfokus. Ini dapat ditelusuri melalui kajian yang dilakukan oleh al-Raziq (2009). Pada permulaan kajian ini, beliau telah mengupas secara mendalam mengenai perbezaan intipati pada istilah iltizam yang digunakan oleh aliran kesusasteraan selain Islam seperti aliran realisme sosialisme dan eksistensialisme yang lebih bersifat material dan keduniaan. Ini kerana iltizam menurut aliran realisme sosialisme ialah kemampuan seseorang pengkarya berpaksikan kepada realiti dan bukan khayalan semata-mata dalam menghasilkan karya manakala aliran eksistensialisme lebih menumpukan idea seseorang pengkarya dalam menentukan sepenuh pendiriannya terhadap masalah dan isu yang berlaku sekitarnya. Beliau menegaskan lagi bahawa menurut konteks sastera Islami, iltizam adalah idea yang diambil daripada fahaman lain tetapi masih boleh disesuaikan mengikut acuan Islam. Ini terbukti dengan penegasan oleh Najib Kilani yang mengatakan bahawa iltizam bagi sastera Islami adalah dengan seseorang pengkarya muslim itu bertanggung jawab terhadap segala apa yang diungkap dan dilakukan serta melazimi dengan metodologi Islam yang syumul khususnya ketika berkarya. Penulis makalah ini juga menggariskan beberapa ciri-ciri iltizam menurut sastera Islami antaranya pengkarya itu mestilah mempunyai metodologi yang jelas dan tidak melampaui batasan terhadap pegangannya di samping tidak melampaui had kebebasan yang dibenarkan oleh agama.

Selain itu, persoalan iltizam dalam kesusasteraan Islami dirungkai dengan lebih meluas lagi oleh Mujahid Mustafa Bahjat (2009). Secara keseluruhannya, kajian beliau ini menyentuh tiga topik asas iaitu perkaitan Islam dengan keindahan, pandangan kritikan Islam terhadap pemahaman iltizam serta kajian gaya bahasa Al-Qur'an dari aspek keindahan lafaz dan ketinggian makna. Beliau menegaskan bahawa keindahan daripada pandangan Islam tersangat luas dan merangkumi banyak perkara sama ada dalaman atau luaran. Islam juga sangat mementingkan keindahan dan kesempurnaan secara zahir seperti kukuh dan lurusnya barisan perajurit yang sedang bertempur di medan perang melawan musuh. Bagi pandangan kritikan Islam terhadap iltizam, beliau menggariskan perlunya seseorang pengkarya itu mempunyai

pengetahuan khusus mengenai Al-Qur'an dan hukum-hakam syariat bagi memandu agar tidak terpesong daripada batasan yang dibenarkan. Islam mengalu-alukan dan sama sekali tidak menyekat kebebasan seseorang untuk berkarya, namun biarlah kebebasan berkarya itu dipandu dengan roh dan kefahaman dalam rangka fundamental Islami yang sebenar. Beliau menegaskan buat akhirnya bahawa melakukan sesuatu perkara yang membatasi syariat agama adalah sesuatu yang bersalah dengan roh Islam melainkan jika dipandu dengan asas-asas akhlak yang mulia, elemen ketanggung jawaban dan prinsip iltizam yang menjadi nadi utama ketika berkarya. Kajian ini secara umum banyak memberikan percambahan ilmu khususnya perkaitan penting yang menghubungkan antara konsep keindahan dan iltizam melalui kaca mata tauhid daripada skala yang besar.

<sup>c</sup>Abd al-Nasir Sabir (2012) dalam kajiannya juga ada memperihalkan mengenai konsep dan prinsip iltizam dalam sastera. Secara umumnya, definisi iltizam menurut pandangan kebanyakan pengkritik Barat khususnya dari Perancis merujuk kepada pautan atau ikatan para pengkarya terhadap kegiatan seni yang dipelopori mereka dengan berpegang kepada prinsip-prinsip tertentu. Konsep umum iltizam ini juga boleh difahami sebagai usaha yang konsisten dalam mengungkapkan hasil seni dan percubaan untuk menyampaikan mesej kepada golongan bijak pandai. Manakala konsep iltizam dalam kritikan sastera Islami dilihat sebagai keterikatan atau konsistensi dalam aspek kepercayaan yang didasarkan dengan prinsip-prinsip Islam. Refleksi kepada pematuhan iltizam dalam sastera Islami akan membawa kepada penghasilan ciri-ciri sastera yang bermutu tinggi, pendisiplinan para pengkarya dan membuka seluas-luasnya ruang kebaikan serta penerimaan terhadap kebenaran. Pengamalan iltizam khususnya dalam kritikan sastera sememangnya memberikan faedah dan keuntungan yang sangat besar khususnya dalam memartabatkan kualiti sastera Islami dan mengembalikan penghormatan yang selayaknya diberikan kepada para sasterawan Islami yang bertungkus-lumus berjuang atas landasan Islam.

Idea Islam dalam kritikan sastera yang seterusnya ialah konsep *ta'amul* yang diperkenalkan oleh al-Raziq (2002). Beliau telah memerihalkan konsep *ta'amul* ini dalam sebuah buku yang bertajuk "*Manhaj al-Islam fi al-Naqd al-Adabi*". Menurutnya, idea untuk menghasilkan konsep ini timbul apabila melihat para pengkritik sastera lebih gemar menggunakan teori kritikan yang berdasarkan barat dan ini akan menyebabkan berlaku kepincangan dan ketidak seimbangan ketika mengkritik sesebuah karya sastera Islami. Sewajarnya menurut beliau lagi perlunya sebuah metodologi khas yang disusun dengan sistematik mengenai pandangan Islam ketika berurus dan mengkritik sesebuah karya. Menyentuh mengenai kandungan buku, beliau telah menggariskan beberapa panduan dan langkah khususnya ketika berurus dengan bahan yang bersumberkan Islam sepenuhnya seperti Al-Qur'an, Hadith dan bahan yang bersumberkan selain Islam seperti bahan-bahan pada zaman Arab Jahiliyah, tamadun moden dan purba seperti tamadun Mesir, Greek, Rom, Parsi, Hindu dan lain-lain. Walaupun perbahasan dalam buku ini ada melibatkan tatacara berurus dengan sumber selain Islam, pengkaji lebih berminat untuk menumpukan kepada perbahasan mengenai tatacara berurus dengan sumber Islam di mana mempunyai kaitan langsung dengan persoalan yang sedang dibahaskan dalam sorotan literatur ini. Dalam perbahasan mengenai tatacara berurus dengan sumber Islam,

penulis buku menegaskan tentang perihal pentingnya menjadikan dua sumber tertinggi dalam Islam iaitu Al-Qur'an dan Hadith sebagai sumber perlengkapan dan rangka ilmu untuk mengkritik. Selain itu, beliau mencadangkan keperluan yang utama untuk menjadikan gaya bahasa retorika Al-Qur'an dan Hadith sebagai pengungkapan yang terbaik untuk diabadikan dalam karya sastera kerana nilai retorika kedua-dua sumber tertinggi Islam ini tiada bandingannya. Beliau juga menjelaskan karya yang berteraskan Islam adalah dengan mengaplikasikan ciri-ciri Islam yang telah disepakati oleh alim ulama dan menghasilkan sesuatu yang unik tetapi masih selaras dengan metodologi Islam yang telah diperakui.

Di samping itu, kajian Mohd Affandi Hassan (2005) juga ada merungkai konsep kritikan sastera Islami yang berpaksikan kepada ketanggungjawaban atau taklif. Beliau telah membahaskan persoalan etika dan tanggung jawab dengan perbahasan menarik yang mencakupi aspek falsafah, kaedah dan pendekatan dalam menghasilkan sastera yang berteraskan Islam. Daripada aspek falsafah, beliau telah menekankan kepentingan peranan pengkarya dalam menghasilkan karya yang bersifat didaktik dan kewajipan menghayati tiga hakikat yang menjadi teras dalam persoalan ketanggung jawaban iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, dan hakikat serta fungsi sastera. Hasil reaksi seseorang pengkarya dalam menghayati ketiga-tiga hakikat ini akan mewujudkan kesedaran "taklif" iaitu merupakan ketanggung jawaban seseorang manusia yang memikul peranan selaku khalifah di muka bumi ini untuk menyebarkan agama Allah. Garapan idea berhubung dengan persoalan etika yang ditonjolkan oleh Mohd Affandi Hassan dalam makalah ini secara tidak langsung banyak membuka dimensi baru dalam penambah baikan metodologi kritikan yang berakarkan Islam yang tulen. Ini kerana rumusan idea taklif yang bertitik tolak daripada tiga hakikat utama yang diperkenalkan oleh beliau mencambahkan pemikiran baharu dan unik khususnya dalam memahami sastera Islami yang sebenar seperti contoh idea beliau yang menolak konsep mimesis atau *fictionality* yang menjadi keagungan barat dan budaya sekular.

Mohd Shahrizal Nasir & Mohd Firdaus Yahaya (2013) juga ada melakukan kajian yang merakamkan idea taklif secara tidak langsung. Mereka telah menyenaraikan beberapa panduan dan langkah dalam menyebarkan al-ma'ruf dalam dunia penulisan karya antaranya seperti menyebarkan isi kandungan Al-Qur'an, mengutamakan ilmu daripada cerita serta menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan dalam berkarya. Para penulis juga mencadangkan dua langkah yang boleh diambil bagi menyekat kemungkaran dalam dunia kesusastraan kreatif seperti tidak menulis perkara bertentangan dengan ketetapan Islam dan menolak sebarang bentuk elemen yang menghina Islam. Secara keseluruhannya, makalah ini boleh disifatkan sebagai penghuraian konkret dalam bentuk aplikasi kepada idea taklif yang dijana oleh Mohd Affandi Hassan. Ini kerana idea yang dirumuskan oleh kedua-dua penulis dalam makalah ini menjadikan Al-Qur'an sebagai paksi dan idea utama dalam mengemukakan panduan ketika berkarya dan ini bertepatan dengan objektif sastera Islami iaitu mengagungkan kalamullah secara langsung.

Kajian lain yang menampilkan idea Islam dalam mengkritik sastera adalah seperti yang dilakukan oleh Sahlan Mohd Saman (2008). Beliau telah mencadangkan dalam kajiannya bahawa pendekatan Melayu-Islam wajar diguna dan diaplikasikan khususnya untuk mengkritik karya-karya sastera yang berlatar belakangkan kehidupan masyarakat Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu sangat sinonim dengan Islam meliputi aspek kepercayaan dan amalan keagamaan. Sesuatu yang agak mustahil jika pendekatan selain pengkaedahan Melayu-Islam digunakan untuk mengkritik karya sastera Melayu kerana dikhuatiri akan wujud hasil kritikan yang tidak menepati matlamat utama yang dihajati dan tidak berlaku adil kepada pengkarya. Beliau juga berpendapat bahawa majoriti teks sastera Melayu sangat relevan dikritik dengan menggunakan pendekatan Melayu-Islam dan mencadangkan beberapa teori berkaitan pendekatan ini dimanfaatkan sekiranya seseorang pengkritik itu telah mempelajari serta menguasainya. Antara teori yang dimaksudkan ialah Takmilah (Shafie Abu Bakar), Puitika Melayu (Muhammad Haji Salleh), Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang), Semiotik Melayu (Sahlan Mohd Saman), Kritikan Melayu (S. Othman Kelantan) dan lain-lain lagi. Bagi beliau, yang paling utama adalah niat pengkritik tersebut mengkritik mestilah disandarkan sepenuhnya kepada Allah dan untuk memberi manfaat kepada khalayak yang membacanya.

Fenomena kesamaran atau kekaburuan (*al-ghumudh*) juga merupakan salah satu ciri yang wujud dalam kebanyakan karya sastera terutamanya dalam puisi. Ramai yang mungkin beranggapan bahawa ciri kesamaran ini adalah sesuatu yang perlu dijauhi oleh pengkarya bagi mengelakkan ketidak fahaman para khalayak pembaca. Walau bagaimanapun, kajian al-Na<sup>c</sup>imi & Majdi Ibrahim (2013) memperhalusi fenomena kesamaran ini dengan bersandarkan dengan pandangan para pengkritik terdahulu dan moden dengan membahagikan fenomena kesamaran yang berbentuk positif dan negatif. Bagi fenomena yang berbentuk positif adalah menjadi keperluan untuk mewujudkannya kerana kemungkinan akan dapat memperindahkan lagi teks-teks yang terdapat dalam karya di samping dapat menarik pembaca untuk menghayatinya secara langsung. Manakala yang berbentuk negatif perlu dielakkan bagi menghindarkan ketidak fahaman dan kekeliruan pembaca yang mungkin dapat menyumbang ke arah kefahaman yang lain dan bertentangan dengan apa yang dimaksudkan oleh pengkarya. Walaupun demikian, idea Islam yang disandarkan oleh pandangan para pengkritik Islam menjelaskan bahawa perlunya untuk menghasilkan karya yang mempunyai makna dan lafaz yang jelas bersesuaian dengan manhaj Al-Qur'an dan sunnah Nabi. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna para pengkritik Islam menolak fenomena kesamaran secara keseluruhan bahkan menggalakkan dengan syarat perlu wujud kesamaran yang menambahkan kedalaman makna serta memperindahkan lagi teks-teks sastera. Ini sekaligus dapat mengelakkan kekaburuan dan seterusnya menyampaikan mesej utama yang terkandung dalam pemikiran dan idea para pengkarya.

Keseluruhan sorotan pada bahagian ini memperlihatkan kekuatan dan kemantapan idea-idea yang dibina oleh para pengkritik dan sasterawan Islam khususnya dalam mendepani karya-karya yang berbentuk Islami atau tidak Islami. Kewujudan dan pembentukan idea yang didasari oleh sifat ketanggung jawaban dan prihatin terhadap Islam adalah sesuatu yang perlu dicontohi dan dipraktikkan oleh semua pengkritik dan

sasterawan muslim. Ini penting bagi menonjolkan kehebatan dan kemuliaan Islam yang tidak kurang hebatnya dalam lapangan kesusasteraan moden walau pada hakikatnya ia telah lama dikuasai dan dipengaruhi oleh pemikiran dan ideologi Barat yang berpaksikan keduniaan serta bermotifkan kebendaan semata-mata. Penonjolan idea-idea Islam dalam mengkritik karya sastera selayaknya menjadi pilihan dan alternatif terbaik bagi menggantikan idea kritikan Barat seterusnya bakal menghasilkan satu bentuk kritikan baru yang mempunyai matlamat dan objektif yang jelas dan sempurna.

### 3) Refleksi Pemanfaatan Dalam Karya Sastera

Sorotan pada bahagian terakhir ini akan membahaskan mengenai refleksi dan kesan pemanfaatan yang timbul dalam karya sastera. Secara keseluruhan banyak kajian yang ditemui membicarakan mengenai pemanfaatan yang bernada negatif ataupun disebut sebagai penyelewengan terhadap fundamental Islami. Antara kajian yang berkaitan adalah kajian Machasin (2008), Zulkarnain Mohamed (2010), Rahmah Ahmad & Mohd Shahrizal Nasir (2011), dan Mohd Shahrizal Nasir (2011; 2012). Manakala kajian yang membahaskan mengenai pemanfaatan yang bernada positif boleh ditemui melalui kajian Wan Muhammad (2003) dan Mohd Adi Amzar (2013). Terdapat kajian yang menghimpunkan contoh pemanfaatan yang bernada positif dan negatif dalam satu kajian iaitu kajian yang dihasilkan oleh Nasr al-Din Ibrahim (2008).

Bagi kajian yang memaparkan pemanfaatan yang bernada negatif, banyak kajian ditemui yang membahaskan mengenai novel *Awlad Haratina* yang dikarang oleh sasterawan ulung Mesir iaitu Najib Mahfuz. Misalnya kajian oleh Machasin (2008) banyak mengulas mengenai sisi penceritaan Adham yang dikatakan mirip kepada kisah Nabi Adam a.s. Secara keseluruhan, penulis lebih banyak menceritakan mengenai kronologi penceritaan Adham dalam novel *Awlad Haratina* ini dan membuat perbandingan dengan kisah Nabi Adam a.s. Seperti contoh, beliau membandingkan pengusiran Idris dari rumah besar milik Jabalawi sebagai simbolik kepada pengusiran iblis dari syurga serta pembunuhan yang dilakukan oleh Qadri adalah mirip kepada kisah Qabil dan Habil. Namun yang menjadi persoalan adalah penulis seolah-olah berkompromi dengan penulis novel ini dengan menyatakan penyelewengan dan penyimpangan yang dilakukan bersumberkan Al-Qur'an adalah sesuatu yang wajar jika penulis asal novel tidak berniat untuk mencemarkan kesucian kitab suci Al-Qur'an itu. Keadaan ini sedikit sebanyak boleh menimbulkan polemik yang berpanjangan jika tidak ditangani dengan serius dan perlu diberikan pencerahan yang sepatutnya oleh pihak yang berkaitan.

Kajian Zulkarnain Mohamed (2010) juga banyak mendedahkan penyelewengan dan penghinaan yang dilakukan oleh Najib Mahfuz dalam karyanya *Awlad Haratina*. Beliau mendedahkan beberapa konsep Al-Qur'an telah diselewengkan oleh Najib Mahfuz antaranya berkaitan dengan konsep ketuhanan, konsep alam ghaib, konsep iblis, konsep kemalaikatan, konsep Nabi Adam a.s sebagai Nabi pertama, konsep

kenabian dan yang terakhir konsep mukjizat. Kajian ini juga menggunakan kerangka analisis yang kuat dan mapan iaitu bersumberkan Al-Qur'an dan neraca akidah Islamiah bagi menghasilkan analisis yang tepat dan boleh dipercayai. Penulis berpandangan dalam rumusan akhir beliau bahawa wujud penyelewengan dalam karya adalah disebabkan novelis tidak mematuhi etika pemanfaatan yang sesuai dalam mengembangkan konsep yang dibawa oleh Al-Qur'an di samping kemungkinan wujud ketidak jelasan tasawur Islami yang menjadi pegangan novelis *Awlad Haratina* tersebut.

Selain pendedahan mengenai penyelewengan akidah yang dilakukan ke atas novelis dan pengkarya pada era terkemudian, tidak terkecuali penyelewengan yang sama telah lama wujud di kalangan pengkarya pada era terdahulu. Hal ini telah didedahkan menerusi kajian Rahmah Ahmad & Mohd Shahrizal Nasir (2011) yang memfokuskan kepada manipulasi peristiwa Israk Mikraj dalam karya sastera Arab dan Barat melalui analisis mendalam terhadap *al-Maqamah al-Iblisiyyah*, *al-Tawabi<sup>c</sup>* wa *al-Zawabi<sup>c</sup>*, *Risalah al-Ghufran*, dan *The Divine Comedy*. Berdasarkan pemerhatian penulis, keempat-empat karya ini telah dikesan mengambil kisah bersumberkan daripada Al-Qur'an menerusi alur penceritaan peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku ke atas rasul junjungan mulia, Nabi Muhammad S.A.W. Namun begitu, proses pemanfaatan yang dilakukan oleh para penulis karya tersebut tidak dilaksanakan dengan berhemah dan beretika. Ini kerana, jalan cerita atau konsep yang diketengahkan oleh mereka dalam karya banyak menyalahi alur penceritaan asal peristiwa Israk Mikraj yang bersumberkan Al-Qur'an. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mencemarkan dan menghina imej Islam secara tidak sedar. Walaupun demikian, nilai postif yang dapat dilihat daripada satu sudut ialah mengenai keupayaan kebudayaan Islam dalam mempengaruhi pemikiran dan ideologi Barat sehingga meninggalkan kesan yang besar dalam bidang kesusteraan. Keadaan ini sememangnya menjadi satu perkara yang mampu dibanggakan namun pemanfaatan yang bersumberkan Al-Qur'an perlu dilakukan dengan berhati-hati dan beretika tidak hanya oleh sasterawan Muslim malah pengkarya Barat juga tidak terkecuali agar penghinaan terhadap Islam itu tidak berlaku secara sengaja atau tidak. Islam sebagai agama yang membawa rahmat tidak menghalang sebarang urusan adaptasi atau peminjaman daripada sumber Islam namun mesti berpandukan etika dan batas peminjaman yang telah digariskan.

Walaupun terdapat penyelewengan fundamental Islami dilakukan secara terang-terangan dan menghina Islam dalam sesetengah karya, namun tidak dinafikan terdapat pengkarya yang cuba mengaplikasikan pemanfaatan yang beretika tetapi tidak berupaya untuk memenuhi piawaian yang digariskan secara sempurna. Kajian Mohd Shahrizal Nasir (2011) yang memfokuskan pemanfaatan ayat Al-Qur'an serta sebab penurunannya (*Sabab al-Nuzul*) dalam novel *Perang Uhud* karya Abdul Latip Talib ada merungkaikan mengenai percubaan novelis dalam memanfaatkan ayat Al-Qur'an dalam karyanya. Kritikan penulis terhadap novelis *Perang Uhud*, Abdul Latip Talib secara dasarnya tertumpu kepada tiga skop pemanfaatan yang menjadi isu utama dalam makalah ini antaranya yang pertama berkaitan episod dalam novel *Perang Uhud* yang menjadi *sabab al-nuzul* turunnya ayat Al-Qur'an tetapi tidak diserahkan dalam novel. Kedua, berkaitan ayat Al-Qur'an yang dimanfaatkan dalam episod novel tetapi ianya bertepatan dengan *sabab al-nuzul* ayat tersebut dan terakhir berkaitan ayat

yang dimanfaatkan dalam episod novel tetapi ianya tidak tepat dengan *sabab al-nuzul* ayat tersebut. Secara keseluruhannya, penulis tidak mengandaikan Abdul Latip Talib sebagai gagal dalam percubaannya dalam memanfaatkan ayat Al-Qur'an dalam novel *Perang Uhud* akan tetapi memerlukan usaha penambah baikan yang perlu ditekuni dan direalisasikan dengan baik. Ini kerana masih terdapat beberapa sisi pemanfaatan yang berjaya dilakukan oleh novelis dengan baik dan beretika manakala beberapa sisi pemanfaatan lain yang gagal diterjemahkan dengan sempurna tidak bermakna wujud unsur penyelewengan yang disengajakan.

Kajian Mohd Shahrizal Nasir (2012) juga mendedahkan penyelewengan sastera menurut perspektif Islam melalui analisis terhadap novel *Na'ib Izrail* oleh Yusuf Al-Siba'i yang berkisar mengenai perspektif yang sama iaitu penelewengan dalam konteks keagamaan. Perspektif sama yang dimaksudkan itu adalah menerusi fundamental akidah di mana novelis tersebut telah menyeleweng dan menyalah gunakan konsep kemalaikatan yang merupakan salah satu elemen dalam rukun iman iaitu beriman kepada malaikat. Ini dapat ditelusuri apabila novelis dengan sengaja mempersendakan konsep kemalaikatan apabila menonjolkan dua percanggahan mengenai sifat malaikat seperti yang telah disebutkan pada asalnya dalam Al-Qur'an. Sifat pertama yang diselewengkan adalah malaikat Izrail bersifat pelupa dan ini bersalah dengan sifat malaikat yang sedia kita maklumi bahawa malaikat adalah terhindar daripada melakukan dosa dan bersih daripada sifat kekurangan. Manakala sifat yang kedua adalah malaikat Izrail mempunyai keinginan untuk berjumpa dengan salah seorang bidadari syurga sebagaiimana yang tercatat dalam kronologi novel tersebut. Situasi ini sangat bercanggahan dengan sifat yang Allah jadikan kepada malaikat iaitu tidak berkahwin dan bersih daripada mempunyai nafsu syahwat. Dua penyelewengan ini secara jelas menonjolkan mengenai ketidak prihatinan novelis dalam memanfaatkan konsep akidah secara postif dan tepat pada konteks yang sepatutnya. Walaupun masih terdapat sisi penyelewengan yang lain dalam novel *Naib Izrail*, namun dua penyelewengan terbesar mengenai konsep kemalaikatan merupakan satu jenayah yang sangat besar di sisi Islam dan boleh merosakkan akidah novelis secara tidak sedar.

Kajian Nasr al-Din (2008) juga telah membahaskan penyelewengan yang dilakukan oleh para pengkarya terdahulu tetapi dalam masa yang sama mengetengahkan karya-karya yang mempunyai nilai Islam dan memenuhi piawaian sastera Islami. Kajian beliau telah membahaskan konsep iltizam dalam konteks cerita Arab moden dengan menonjolkan pengaplikasian para pengkarya dari negara Timur Tengah daripada aspek etika dan ketanggung jawaban. Sebanyak empat buah novel dijadikan sampel kajian untuk meninjau penyelewengan yang dilakukan oleh para novelis dan tujuh buah novel dipilih bagi melihat ciri-ciri keislaman yang diketengahkan oleh novelis. Kajian ini dilihat berjaya mendedahkan penyelewengan para novelis di mana mereka gemar untuk menggunakan simbol-simbol bercorak Islam untuk memperdayakan golongan pembaca khususnya di kalangan yang beragama Islam agar mudah terpengaruh dengan ideologi dan pemikiran sekular mereka. Ideologi yang diasaskan dan dibawa oleh gerakan "Tansiriah" ini juga banyak menghasilkan karya yang bertopengkan agama dan mempengaruhi pemikiran pembaca dengan penerapan unsur-unsur sosial dan kebijakan masyarakat kononnya walhal sebenarnya tidak lebih hanya

karya yang memanipulasi dan mempergunakan agama bagi kepentingan agenda jahat gerakan tersebut. Bagi penerapan dalam novel bercirikan Islam pula, walaupun unsur-unsur kreatif dan seni diterapkan secara meluas dalam ketujuh-tujuh karya tersebut namun tidak menghalang dan menghilangkan unsur-unsur pengajaran dominan yang menjadi keperluan utama bagi sebuah karya sastera berwajah Islami.

Seterusnya penumpuan terhadap kajian yang menumpukan terhadap pemanfaatan secara positif adalah menerusi kajian Wan Muhammad (2003) yang memfokuskan kepada iltizam Islam dalam karya *al-Adab al-Saghir* dan *al-Adab al-Kabir* oleh Ibn al-Muqaffa<sup>c</sup>. Penulis telah mendapat bahawa pengkarya dua buah karya agung dalam dunia kesuasteraan Arab ini telah mengaplikasikan komitmen Islam yang tinggi ketika berkarya dengan menerapkan nilai-nilai pengajaran dan kemanusiaan yang sangat berharga. Dengan menjadikan Iltizam Islami sebagai kerangka teori utama dalam menganalisis kedua-dua buah karya Ibn al-Muqaffa<sup>c</sup> ini, penulis telah mendapat bahawa pengkarya telah memanfaatkan karya dengan beriltizamkan Islam secara jelas dan menyeluruh bukannya secara samar-samar atau terpencil. Ini dapat dilihat dengan kandungan dua buah karya tersebut yang berintipatikan matlamat atau dasar untuk mencari keredhaan Allah, menunaikan kewajipan agama dan mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

Sorotan literatur terakhir dalam pemanfaatan secara positif ini diteruskan dengan meninjau terhadap kajian Mohd Adi Amzar (2013) yang mengkaji pemanfaatan fundamental Islami dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El-Shirazy. Pemilihan penulis terhadap novel ini adalah kerana reputasi pengkarya novel ini iaitu Habiburrahman yang telah dikenali seantero nusantara berikutan dengan mahakaryanya yang pertama iaitu “Ayat-Ayat Cinta” yang mendapat sambutan hangat di kalangan pembaca dan mencecah jualan *best seller* di Indonesia dan Malaysia. Trend pembacaan bergenre Islamik yang semakin mendapat tempat di hati pembaca telah mendorong beliau untuk menghasilkan novel yang seterusnya iaitu *Ketika Cinta Bertasbih* dan ternyata berhasil menerusi jualan buku yang menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Ini kerana menurut kajian Mohd Adi Amzar (2013), novel *Ketika Cinta Bertasbih* menunjukkan ciri-ciri sebagai sebuah karya yang mempunyai nilai-nilai Islam yang tinggi dan mementingkan penyampaian mesej yang mempunyai nilai didaktik atau bersifat ilmu. Kajian ini telah memperincikan pemanfaatan pengarang berasaskan kepada tiga fundamental Islami iaitu akidah, syariat dan akhlak. Keberhasilan pemanfaatan ini dapat dilihat dengan penonjolan aspek akidah merangkumi tauhid uluhiyah, rububiyyah pada sudut akidah manakala pemanfaatan rangka pemaknaan hukum yang selaras mengikut hukum syarak pada sudut syariat. Bagi sudut akhlak, penonjolan watak-watak utama dan sampingan yang mempunyai karakter terpuji menjadi tunjang kepada alur penceritaan sekaligus memberikan gambaran mesej positif yang ingin dibawa oleh pengarang novel ini. Dengan mengambil pendekatan taklif gagasan Mohd Affandi Hassan sebagai sandaran pendekatan kajian, kajian ini ternyata berjaya menyerlahkan satu sisi pandang yang baru terutama dengan memartabatkan nilai ilmu sebagai komposisi penting dalam sastera Islami dan bukan sekadar hiburan semata-mata.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur pada bahagian ini yang menghimpunkan tiga bahagian kecil iaitu isu dan permasalahan kritikan sastera Islami, idea Islam dalam mengkritik sastera serta refleksi pemanfaatan dalam karya sastera telah memperlihatkan satu jalinan yang kukuh ke arah pemantapan pendekatan kritikan Islam secara holistik dan menyeluruh. Kemunculan idea-idea Islam yang begitu terkehadapan meliputi aspek konsep dan teori sewajarnya dikaji dan diteliti dengan mendalam agar idea ini dapat disingkap kelebihan dan keunikannya yang tersendiri. Kewujudan idea kritikan Islam seperti iltizam Islami, taklif, *ta'amul* dan lain-lain pada hematnya mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri dalam menandingi teori kritikan yang datang terutamanya dari Barat. Ini seharusnya dipraktikkan dan diamalkan secara konsisten dan berterusan oleh pengkritik muslim dalam kritikan sastera. Walaupun tidak dinafikan wujud beberapa permasalahan yang timbul dalam pembinaan metodologi kritikan Islam itu sendiri, ia tidak wajar dijadikan alasan terutamanya oleh pengkritik muslim untuk mengabaikannya sekaligus mengadaptasikan kritikan berdasarkan metodologi Barat. Jika ia berlaku, isunya amat berkait rapat dengan persoalan etika dan ketanggung jawaban seseorang pengkarya atau pengkritik itu yang dapat dilihat menerusi pendedahan beberapa kajian terdahulu mengenai refleksi pemanfaatan karya yang bernada negatif.

## **Kesimpulan**

Makalah ini secara umumnya telah menyoroti dan meninjau literatur-literatur berkaitan dengan pendekatan Islam dalam kritikan sastera. Kebanyakan literatur yang dibincangkan telah memperlihatkan sisi kekuatan yang tersendiri dalam mendepani setiap topik yang menjadi fokus utama dalam makalah ini. Realitinya, Islam tidak ketandusan dan kekurangan metodologinya yang tersendiri yang dibina dan dirangka oleh para sarjana dan cendekiawan dalam lapangan kesusasteraan Islami ini. Kemampuannya terbukti dengan pemaparan idea-idea yang menarik dan sesuai diaplikasikan dalam kritikan sastera moden. Sungguhpun demikian, ia bertitik tolak dan kembali kepada pengkarya itu sendiri sama ada mahu mengaplikasikannya ataupun dan permasalahan ini berkait kembali kepada persoalan etika. Justeru itu, perbincangan tinjauan literatur dalam makalah ini dalam mengaitkan tiga topik utama diharap mampu memberikan pencerahan dan maklumat terkini kepada khalayak khususnya realiti dan keadaan semasa yang sedang ditempuhi oleh metodologi kritikan Islam.

## Rujukan

- Batahir, Bin Isa. 1998. Al-Adab al-Islami Wa Naqduhu 'Inda al-Syeikh Abi al-Hasan al Nadwi. *Islamiah Al-Ma'rifah*. Vol 12.
- Bushra Abd al-Majid. 2009. Al-Islamiyyah wa so'al al-Naqd al-Adabi. *Majallat al-Dirasat al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyah*. Vol 1, No 1.
- Khalil, Imad Al-Din. 1998. Hawl Harakah al-Adab al-Islami al-Mu'asir: Waqfah Limuraja'ah al-Hisab. *Islamiah Al-Ma'rifah*. Vol 12.
- Khalil, Imad Al-Din. 2009. Hawl al-Madmun al-Fikri Liladab al-Islami al-Mu'asir: *Islamiah Al-Ma'rifah*. Vol 58.
- Machasin. 2008. Adham dan Adam: Suatu Tinjauan Terhadap Novel Najib Mahfuz, Awlad Haratina. *Perpustakaan Digital UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta*.
- Mafaz Mujahid Mustafa. 2004. Criteria for Islamic Literature And Literary Criticism. *'Ulum Islamiyyah*. Vol 3, No 1.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. 2013. Pemanfaatan Fundamental Islami Dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El-Shirazy. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. 2005. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shahrizal Nasir. 2011. Pemanfaatan Ayat Al-Qur'an Serta Sebab Penurunannya (Sabab al-Nuzul) Dalam Novel Perang Uhud Karya Abdul Latip Talib. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol 22.
- Mohd Shahrizal Nasir. 2012. Penyelewengan Sastera Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Terhadap Novel Naib Izrail oleh Yusuf al-Sibai. *Jurnal Teknologi*. Vol 58.
- Mohd Shahrizal Nasir & Mohd Firdaus Yahaya. 2013. Peranan Novelis Muslim Dalam Usaha Menyebar Al-Ma'ruf Dan Menyekat Al-Mungkar. *Jurnal ILIM*. Vol 6.
- Mujahid Mustafa Bahjat. 2009. Al-Jamal Wa al-Iltizam Fi al-Fan al-Islami. *Islamiah Al Ma'rifah*. Vol 56.
- al-Na'im, Anas Husam Sa'id & Majdi Ibrahim. 2013. Al-Ghumudh fi Shi'r al-Hadathah Min Manzur Islami. *Majallat al-Dirasat al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyah*. Vol 4, No 1.
- Nasr al-Din Ibrahim Ahmad Husin. 2008. *Isykaliyyat al-Iltizam al-Islami fi Dhauq al-Qissah al-'Arabiyyah al-Hadithah: Dirasah Naqdiyyah Tahliliyyah*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

## Pendekatan Islam Dalam Kritikan Sastera : Satu Tinjauan Literatur

Mohd Adi Amzar Bin Muhammad Nawawi, Zulkarnain bin Mohamed & Pabiyah binti Haji Maming@Toklubok

al-Rahawi, Faris Abdallah Badr. 2009. Mustolah al-Iltizam fi al-Naqd al-Islami al-Mu<sup>c</sup>asir: Dirasah fi al-Mafhum wa Majallat al-Istikhdam. *Islamiah Al-Ma<sup>c</sup>rifah*. Vol 58.

Rahmah Ahmad H.Osman & Mohd Shahrizal Nasir. 2011. Manipulasi Peristiwa Israk Mikraj Dalam Karya Sastera Arab Dan Barat: Satu Analisis Terhadap al-Maqamah, al-Tawabi', Risalah Ghufran Dan The Divine Comedy. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol 18, No 1.

al-Raziq, Sayyid Sayyid <sup>c</sup>Abd. 2002. *Al-Manhaj al-Islami Fi al-Naqd al-Adabi*. Beirut: Dar al-Fikr Al-Mu<sup>c</sup>asir.

al-Raziq, Sayyid Sayyid <sup>c</sup>Abd. 2009. Mustolah Al-Iltizam Fi al-Naqd al-Islami Al Mu<sup>c</sup>asir: Dirasah Fi al-Mafhum Wa Majalat al-Istikhdam. *Islamiah Al-Ma<sup>c</sup>rifah*. Vol 58.

Sabir, <sup>c</sup>Abd al-Nasir. 2012. Mafhum al-Iltizam al-Islami fi al-Ma<sup>c</sup>arik al-Adabiyyah: Dirasah Li'a<sup>c</sup>mal Mustafa Sadiq al-Rafi<sup>c</sup>i wa Mahmud Shakir. *Al-Tajdid*. Vol 31, No 16.

Sahlan Mohd Saman. 2008. Pengkaedahan Melayu-Islam Dalam Kritikan Sastera. *Jurnal Melayu*. Vol 3.

Wan Muhammad Wan Sulong. 2003. Iltizam Islam Dalam Karya al-Adab al-Saghir Dan al Adab al-Kabir Oleh Ibn al-Muqaffa<sup>c</sup>. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkarnain Mohamed. 2010. Penyelewengan Al-Qur'an Dalam Awlad Haratina, Karya Najib Mahfuz. Dalam. Kedudukan Ilmu Dalam Kesusastraan Teori & Praktis. Bangi: Institut Alam & Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.